

# BULETIN PUSAT ASASI EDISI JULAI - DISEMBER *2020*



## AKTIVITI SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Pelbagai aktiviti yang menarik dianjurkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. Apakah prosedur digunakan oleh Pusat Asasi bagi menjayakan program sepanjang PKP?

## MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH

Terima kasih kepada staf UiTM Kampus Dengkil yang telah banyak berjasa membangunkan universiti. Semoga berjumpa lagi pada masa akan datang.

## MINGGU DESTINI SISWA SESI 1 2020/2021

Bagaimana pendaftaran pelajar baharu dilaksanakan ketika ancaman Covid-19? Apakah platform yang disediakan kepada pelajar baharu?

# Amanat Pengarah

Tahun 2020 sudah sampai ke penghujungnya dan pada 2 November 2020 yang lalu, telah berlangsung program Amanat Pengarah yang telah disampaikan oleh Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah secara atas talian menggunakan aplikasi webex. Dalam amanat tersebut, pengarah menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih terutamanya kepada penyumbang-penyumbang bagi pencapaian Pusat Asasi sepanjang tahun 2020.

Dalam amanat tersebut, Pengarah juga mengharapkan bagi tahun 2021, aktiviti-aktiviti seperti aktiviti Misi Akademik, i-CReST 2021, Jurnal Asasi, Creation de UiTM 2021, Asasi Webinar Series dan juga aktiviti kelab kurikulum boleh dijalankan secara lebih kreatif dengan norma baharu. Turut dibentangkan kepada warga Pusat Asasi mengenai inisiatif baharu dengan norma baharu bagi tahun 2021.

Antara inisiatif baharu yang dibentangkan adalah Program Asasi Baharu (Pakej C, SPM 2021) , Word of the Day (PTAR), Greenation@UiTM Project, Kolaborasi Bersama Orang Asli dan Program Bersama Pelajar Asasi serta Matrikulasi Universiti Awam. Amanat Pengarah ini berakhir dengan sebuah pepatah daripada Pengarah, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah iaitu ‘Tuntutlah ilmu baharu setiap hari walaupun dari satu perkataan’.

## Sidang Redaksi

### Penaung

Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah

### Ketua Editor

Rozi Hanum Shaharudin

### Editor

Nur Aisyah Abas  
Marlizawati Mohamat  
Nur Syakireen Ishak  
Fadhlina Che Arshad  
Fahmi Abdul Sani  
Nor Hisyam Husin

### Jurugrafik

Muhammad Hafiz Mohd Ariff

# TAHNIAH!

## PELAJAR BAHARU SESI 2020/2021

### PUSAT ASASI UTM

Kami nantikan kehadiran  
anda!

Pusat Asasi UiTM Official Pusat Asasi UiTM Pusat Asasi UiTM

TAKLIMAT BANTUAN KEWANGAN  
SESI JUN 2020 - APRIL 2021

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

BHEP Pusat Asasi UiTM



# MINGGU DESTINI SISWA SESI 1 2020/2021

Tarikh : 4 Jun sehingga 5 Julai 2020

Lokasi : Atas talian

Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Minggu Destini Siswa merupakan proses pendaftaran pelajar baharu yang telah berjaya ditawarkan melanjutkan pengajian di Pusat Asasi UiTM. Pada kebiasaannya proses pendaftaran ini akan dijalankan mengikut pecahan program yang ditawarkan dan diadakan secara bersempena di dalam kampus.

Namun begitu, berikutan penularan wabak Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diumumkan oleh kerajaan, proses pendaftaran pelajar baharu telah dilaksanakan secara atas talian tanpa perlu hadir ke Pusat Asasi UiTM.

Pusat Asasi UiTM telah menyediakan pelbagai medium bagi menyampaikan maklumat pendaftaran. Antaranya menubuhkan kumpulan Telegram dan rakaman video melalui saluran Youtube Pusat Asasi UiTM.

## PENDAFTARAN KOLEJ PELAJAR BAHARU

Tarikh : 2 Ogos 2020 dan 13 September 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM

Anjuran : Pejabat Pengurusan Kolej

Pendaftaran pelajar ke kampus pada kebiasaannya dilaksanakan ketika Minggu Destini Siswa, namun terpaksa dipinda berikutan ancaman wabak pandemik Covid-19. Dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Pelajar pendaftaran pelajar baharu ke kolej dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pada awalnya pelajar baharu ditempatkan di Kampus Dengkil dan Kampus Puncak Alam pada 2 Ogos 2020. Namun selepas Kementerian Pengajian Tinggi mengumumkan kelonggaran penempatan pelajar, seluruh pelajar Pusat Asasi UiTM telah ditempatkan di Kampus Dengkil bermula 13 September 2020.



# MAJLIS APRESIASI JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ 2020

Tarikh : 5 Ogos 2020

Lokasi : Hotel Movenpick, Sepang

Anjuran : Pejabat Pengurusan Kolej

Setiap yang bermula pasti akan berakhir dan setiap jasa serta pengorbanan amatlah dihargai. Justeru itu, bagi menghargai dan mengingati setiap sumbangan yang telah dicurahkan, pihak Pengurusan Kolej telah menganjurkan satu majlis bagi menghargai dan meraikan ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej bagi 2020.

Majlis Apresiasi Jawatankuasa Perwakilan Kolej bertujuan untuk memberi penghargaan khususnya kepada Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) serta staf Pengurusan Kolej dan Staf Residen Kolej di atas khidmat bakti dan sumbangan dalam melaksanakan aktiviti pembangunan pelajar di peringkat kolej kediaman sepanjang tahun 2020.

Bertemakan 'A Night In Disguise', tetamu kehormat majlis ini ialah Pengarah Pusat Asasi UiTM, Profesor Dr. Saifollah Hj. Abdullah. Turut hadir bersama ialah Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar En. Zaidi Yaacob dan Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik, Penyelidikan & Innovasi, Dr. Ikhwan Naim Md Nawi. Kehadiran Pengetua Kolej, Encik Mahadi Kamaludin selaku tonggak utama kepimpinan kolej lebih menyerikan lagi majlis tersebut. Upacara utama majlis ini ialah sesi penyampaian sijil penghargaan dan cenderahati oleh Pengarah kepada semua JPK yang hadir. Terima kasih kepada semua staf yang terlibat dalam menjayakan majlis yang amat bermakna ini.



# SAMBUTAN MALAM KEMERDEKAAN PUSAT ASASI 2020

Tarikh : 15 sehingga 31 Ogos 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM

Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Pelbagai acara menarik telah diadakan seperti nyanyian lagu patriotik, Ceramah Kemerdekaan dan Kibar Jalur Gemilang. Sambutan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Encik Zaidi Yaacob.

Pusat Asasi UiTM dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membantu mengawalselia pergerakan pelajar agar sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara bagi mengelak penularan wabak Covid-19.



## ASASI GOT TALENT

Tarikh : 24 & 25 Ogos 2020

Lokasi : Kampus Dengkil & Kampus Puncak Alam

Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Program Asasi Got Talent ini telah dihebahkan kepada pelajar melalui media seperti kumpulan Whatsapp, Telegram serta Facebook Pusat Asasi UiTM. Pelajar yang berminat perlu menghadiri sesi uji bakat dan akan dinilai oleh juri-juri di kalangan staf Pusat Asasi UiTM.

Sesi uji bakat telah diadakan di UiTM Kampus Dengkil dan UiTM Kampus Puncak Alam. Peserta telah menyampaikan pelbagai bentuk persembahan seperti Nyanyian, Syair, Memain Peralatan Muzik dan Pertunjukan Silap Mata.

Program ini telah menerima 23 penyertaan dan peserta yang layak telah ditawarkan untuk membuat persembahan semasa Sambutan Ambang Kemerdekaan pada 31 Ogos 2020 di Pusat Asasi UiTM.

# PERTANDINGAN KEMERDEKAAN PUSAT ASASI

Tarikh : 15 sehingga 28 Ogos 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM

Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Walaupun negara dilanda ancaman wabak Covid-19. Bahagian Hal Ehwal Pelajar komited memastikan sambutan kemerdekaan Pusat Asasi UiTM mempunyai pengisian menarik.

Kategori Pertandingan yang diadakan adalah Sayembara Sajak Kemerdekaan, Pidato Kenegaraan, Nyanyian Lagu Patriotik (Solo), Nyanyian Lagu Patriotik (Berkumpulan) dan Like Facebook Terbanyak bagi setiap kategori.

Video yang diterima telah dimuatnaik oleh urusetia ke Facebook Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Pemenang-pemenang akan menerima hadiah berbentuk Wang Tunai dan Sijil Penyertaan. Manakala bagi Like Facebook Terbanyak akan menerima Hadiah Saguhati serta Sijil Penyertaan.

The banner features the Universiti Teknologi MARA logo and text for the 'Pertandingan Sambutan Kemerdekaan Peringkat Pusat Asasi'. It lists three categories: 'Sayembara Sajak Kemerdekaan', 'Nyanyian Lagu Patriotik Solo & Berkumpulan', and 'Pidato Kenegaraan'. It also mentions cash prizes, closing date (28 Ogos 2020), and email (hep.asasi.uitm@gmail.com). The bottom of the banner says 'BAHAGIAN HAL EHWAJ PELAJAR' and a contact number.

**SAYEMBARA SAJAK KEMERDEKAAN**  
Juara : As'syiffa Umairah Binti Yahya (2020616812)  
Naib Juara : Nurul Izzah Binti Mohd Nadzri (2020481816)  
Ketiga : Muhammad Fariz Iskandar Bin Mohd Erwan (2020890526)  
Facebook Like : Ahmad Fuad Bin Hamdani (2020808782)

**PIDATO KENEGARAAN**  
Juara : Nur Nazirah Binti Hisham (2020477674)  
Naib Juara : Nurul Izzati Binti Mohd Azmi (2020852456)  
Ketiga : Mohd Haziq Daniel (2020881068)  
Facebook Like : Nurul Izzati Binti Mohd Azmi (2020852456)

**NYANYIAN LAGU PATRIOTIK (SOLO)**  
Juara : Muhammad Fariz Iskandar Bin Mohd Erwan (2020890526)  
Naib Juara : Abdul Muhamimin Bin Johari (2020841618)  
Ketiga : Sarah Yasmin Aston Binti Sofian (2020832748)  
Facebook Like : Nur Athirah Binti Mohd Akmal Long (2020481472)

**NYANYIAN LAGU PATRIOTIK (KUMPULAN)**  
Juara : Nur Farah Nabila Binti Edwan (2020868134)  
Naib Juara : Nurul Sy

**JULAI  
DISEMBER**

# INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH AND PRACTICES IN SCIENCE, TECHNOLOGY & SOCIAL SCIENCES (I-CReST 2020)

Persidangan antarabangsa yang julung kali diadakan ini telah berlangsung pada 4 Julai 2020 yang dinaungi oleh YBhg. Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor UiTM, YBhg. Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah dan Dr. Ikhwan Naim Bin Md Nawi sebagai penasihat, dan dipengerusikan oleh Dr. Salizatul Ilyana Binti Ibrahim bersama 80 orang sekretariat I-CReST 2020.

I-CReST 2020 menghimpunkan para akademik dan penyelidik, profesional dan pengamal industri dan juga para pelajar siswazah dari dalam dan luar negara. Ucaptama adalah daripada YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, Presiden Akademi Sains Malaysia bertajuk “Performing Impact Research to Ensure Transformational Change”. I-CReST juga turut menjemput Dr. Ravindran Thayan, Ketua Unit Virologi daripada Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia sebagai Keynote Speaker dengan tajuk “Laboratory testing of COVID-19- how it begins and the journey to contain the virus”. Manakala Keynote Speaker kedua adalah daripada Profesor Madya Dr. Husaina Banu Kenayathulla, Universiti Malaya dengan tajuk “Harnessing Potential and Leading Transformational Change”.

I-CReST 2020 telah mendapat penyertaan seramai 99 peserta, di mana 7 penyertaan adalah pembentang dari luar negara seperti Nigeria, Indonesia, Vietnam, Brunei dan Pakistan. Seramai 82 orang peserta telah melakukan pembentangan yang berlangsung secara atas talian menggunakan platform Google Meet, di mana video pembentang berdurasi 10 minit dimainkan.

## PEMBENTANG TERBAIK

### 1. Rozi Hanum Shaharudin, UiTM

Moving Towards 4th Industry Revolution: A Study on Lecturers Self-Efficacy in Using Technology

### 2. Fatin Aqilanajwa Adenan, UTM

The General Performance of Children with Autism Spectrum Disorder while Working with Horses in Unmounted Activities

### 3. Ahmad Waseem Dihny bin Yunus, UKM

Parliamentary Financial Scrutiny on the COVID-19 Economic Stimulus Package; Role of the Special Select Committee on Budget

### 4. Fahmi Bin Samsudin, UiTM

A Preliminary Study On Cinemagraph Technique As New Media In Public Service Announcement (PSA) of Health Campaign

### 5. Muhammad Danish Mirza Norisham, UiTM

1994 Rwandan Genocide: Protecting The Rights Of The Victims

### 6. Normala Ismail, UiTM

Depression Among University Students During COVID-19 Attacks

### 7. Norazirah Mat Nayan, UiTM

A pilot study The effects of prenatal BPA exposure on learning and memory functions of the male Sprague Dawley rats.

### 8. YM Tengku Norbaya Tengku Azhar, UiTM

The Effect on Maternal Factors towards Total Immunoglobulin E (T-IgE) of Human Milk and Maternal Serum.

### 9. Nurkhaizan Zulkepli, UiTM

Model Analysis on the Geometrical and Technological Aspect of Bi<sub>2</sub>Te<sub>3</sub> based MEMS Thermoelectric

### 10. Halimatussadiyah Ahmad Radzi, IIUM

The Scattered-Radiation Doses at Different Positions and Eye Levels in the Interventional Angiography Room


### 11. Noreha Mohamed Yusof, UiTM

Forecasting Malaysian Ringgit Using Exponential Smoothing Techniques

### 12. Nur Ilyana Binti Kamis, UTM

Heat Transfer Analysis Of Casson Fluid Restricted By Thin-Film With Hybrid Nanoparticle In A Porous Sheet Pass An Unsteady Stretching Sheet

# INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH AND PRACTICES IN SCIENCE, TECHNOLOGY & SOCIAL SCIENCES (I-CReST 2020)



JULAI  
DISEMBER  
EDISI  
20  
20

# MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH

Tarikh : 20 Julai 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM

Anjuran : Kelab Kebajikan Staf Pusat Asasi UiTM

Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih telah diadakan pada 20 Julai 2020 bagi meraikan kakitangan yang telah bersara dan berpindah. Majlis yang dianjurkan oleh Kelab Kebajikan Pusat Asasi ini diadakan dalam suasana yang sederhana berikutan dengan krisis pandemik Covid-19 yang membataskan majlis dilakukan seperti sebelumnya.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi UiTM iaitu Profesor Dr. Saifollah Hj. Abdullah dan telah dihadiri oleh warga Pusat Asasi yang terdiri daripada Kelab Kebajikan Pusat Asasi. Turut sama hadir adalah kakitangan yang diraikan iaitu yang bersara dan yang berpindah.



# PERTANDINGAN KECERIAAN "SEMARAKKAN JIWA MERDEKA"

Tarikh : 15 sehingga 28 Ogos 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM

Anjuran : Unit Korporat

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-63, tahun 2020, Unit Korporat Pusat Asasi telah mengadakan Pertandingan Keceriaan dan Menghias Pejabat yang bertemakan "Semarakkan Jiwa Merdeka". Objektif pertandingan ini diadakan adalah untuk meningkatkan semangat patriotisme dan juga meningkatkan semangat kerjasama di kalangan warga Pusat Asasi UiTM sempena bulan Merdeka.

Sebanyak tujuh unit pejabat yang menyertai pertandingan ini, iaitu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Unit Kesihatan, Unit Makmal Sains, Bahagian Pembangunan dan Kelestarian, Pejabat Kolej Tualang, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran. Unit-unit pejabat yang mengambil bahagian beri tempoh masa bermula dari 24 Ogos sehingga 30 September 2020 untuk menghias ruang pejabat masing-masing mengikut tema yang telah ditetapkan.

Penjurian pertandingan telah diadakan pada 1 Oktober 2020. Juri-juri yang terlibat dalam penilaian dan pemberian markah adalah Ustaz Mohd Takiyudin Ibrahim, Puan Jebakumari Selvarani A/P Ebenezer, Puan Siti Sabrina Kasri dan Puan Nur Syakireen Ishak. Kesemua penyertaan dari unit-unit pejabat telah memberi saingan yang sengit dengan menghias ruang pejabat masing-masing dengan sangat kreatif, menarik dan menepati tema yang telah ditetapkan.

Pejabat Kolej Tualang telah diumumkan sebagai juara pertandingan. Kemenangan Pejabat Kolej Tualang adalah di atas kreativiti staf yang tampil mengenakan baju tradisional pelbagai kaum yang menaikkan keceriaan pejabat. Encik Mohd Saiful Pendeh yang merupakan salah seorang staf di Pejabat Kolej Tualang juga telah mendeklamasikan sebuah puisi kemerdekaan yang sangat menyentuh jiwa. Tempat kedua telah disandang oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar manakala tempat ketiga dimenangi oleh Unit Kesihatan.



# BARAQAH BOX "GIVE TO RECEIVE"



Tarikh : 25 September 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM

Anjuran : Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Baraqah Box

Pada tanggal 25 September 2020, Jawatankuasa Perwakilan Kolej di bawah naungan Pengetua Kolej, Encik Mahadi Kamaludin dengan kerjasama Baraqah Box Malaysia telah mengagihkan sebanyak 250 kotak makanan kepada pelajar UiTM Dengkil (Golongan B40) yang memerlukan.



Baraqah Box ini telah diedarkan sendiri oleh pengasas utama Baraqah Box Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Ruslina Baharum yang merupakan seorang usahawan berjaya dan juga seorang aktivis sosial yang sangat aktif membantu golongan yang memerlukan. Beliau turut ditemani oleh Puan Anneliza Zainal, pegawai perhubungan awam Baraqah Box. Baraqah Box ini merupakan projek filantropi sosial yang bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan terutamanya pelajar universiti yang mengalami masalah kekurangan zat makanan dan kelaparan. Konsep Baraqah Box ini adalah profesional di mana tiada sukarelawan yang terlibat.



Ini kerana dana untuk projek ini diperoleh daripada sumbangan orang ramai melalui Rus Aurum Global di mana 80% daripada jumlah sumbangan tersebut digunakan untuk makanan, pembungkusan dan penghantaran dan baki 20% lagi disalurkan untuk perbelanjaan pengurusan, pemasaran dan perhubungan. Pemberian tersebut diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban golongan yang memerlukan di saat dunia menghadapi musibah pendemik Covid-19.



# WEBINAR KESEDARAN KESIHATAN MENTAL & KESEJAHTERAAN EMOSI

Tarikh : 11 Ogos 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM (secara atas talian)

Anjuran : Unit Kerjaya & Kaunseling

## LET'S TALK 1: PENYESUAIAN DIRI DI KAMPUS DALAM NORMA BAHARU


Unit Kerjaya & Kaunseling Pusat Asasi UiTM telah mengadakan webinar Let's Talk 1: Penyesuaian Diri di Kampus dalam Norma Baharu bersama dengan pelajar-pelajar untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar baharu tentang cara-cara untuk menyesuaikan diri di kampus dalam norma baharu. Umum sedia maklum tentang pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia sekaligus telah mengubah cara hidup kita secara keseluruhannya. Dengan webinar ini, pelajar dapat mengenal pasti cara yang sesuai untuk mereka mengadaptasi norma baharu dalam kehidupan baharu mereka sebagai seorang mahasiswa. Webinar telah disiarkan melalui Facebook rasmi Unit Kerjaya & Kaunseling dan telah ditonton oleh 4300 pelajar.

Tarikh : 3 September 2020


Lokasi : Pusat Asasi UiTM (secara atas talian)

Anjuran : Unit Kerjaya & Kaunseling

Unit Kerjaya & Kaunseling Pusat Asasi UiTM telah mengadakan webinar berkenaan dengan kesihatan mental iaitu Let's Talk 2: It's Okay Not to Be Okay. Webinar ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Salmi Razali, Pakar Psikiatri UiTM Sungai Buloh. Tujuan webinar ini adalah untuk memberi pendedahan kepada warga Pusat Asasi khasnya tentang pentingnya menjaga kesihatan mental. Selain itu juga, webinar ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga Pusat Asasi UiTM agar tidak malu untuk ke depan apabila mereka mempunyai isu kesihatan mental bagi mendapatkan rawatan dengan segera. Selain itu, webinar ini juga bertujuan untuk membuang stigma masyarakat tentang masalah kesihatan mental sekaligus menyedarkan masyarakat, kesihatan mental adalah sama pentingnya dengan kesihatan fizikal. Webinar ini telah disiarkan melalui Facebook rasmi Unit Kerjaya & Kaunseling dan telah ditonton oleh 2900 pelajar dan staf Pusat Asasi UiTM.




## LET'S TALK 2: IT'S OKAY NOT TO BE OKAY



# SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN OKTOBER 2020

Bersempena dengan Bulan Kaunseling Kebangsaan: Oktober 2020, Unit Kerjaya & Kaunseling Pusat Asasi UiTM telah mengadakan beberapa webinar bagi menyambut Bulan Kaunseling Kebangsaan 2020 yang bertemakan Rahmah untuk Semua (Kindness to All). Bulan Kaunseling Kebangsaan ini disambut bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai perkhidmatan kaunseling profesional sebagai antara sistem sokongan yang penting dalam mewujudkan masyarakat sejahtera. Sempena sambutan ini, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Unit Kerjaya & Kaunseling Pusat Asasi UiTM. Antaranya adalah Kempen Kesejahteraan Mental dan Emosi, Program Pensijilan Rakan Kaunselor, BY U: Let's Talk 3: DASS Screening dan Pertandingan Video & Poster Inspirasi.



BERSEMPENA BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2020

- VIDEO - KUMPULAN (3 - 5 ORANG)  
BERDURASI 45 - 120 SAAT  
FORMAT - MP4 (1080P)
- POSTER DIGITAL - INDIVIDU (SISWA & SISWI)  
FORMAT - 2X5 - AI/PSD/PNG
- RUIUK QR CODE UNTUK MAKLUMAT TAMBAHAN PERTANDINGAN

Hadiah Terkumpul Bernilai RM900.00




# LAWATAN MANTAN PENGERUSI MAJLIS DEKAN/ PENGARAH ASASI UNIVERSITI AWAM

Tarikh : 1 Oktober 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM

Anjuran : Pusat Asasi, UiTM Kampus Dengkil

Pengarah Pusat Asasi UiTM, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah sangat berbesar hati menerima kunjungan daripada Profesor Dr. Norihan binti Md. Arifin dan Pn. Che Zailawati binti Abdul Ghani dari Pusat Asasi Sains Pertanian UPM. Dalam kunjungan tersebut, Profesor Dr. Norihan yang juga merupakan mantan Pengerusi Majlis Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam telah membuat serahan tugas sebagai Pengerusi dan bertukar pendapat berkenaan perancangan bagi tahun 2021 dan seterusnya.



## TEMU MESRA MITASA 2020

Tarikh : 29 September 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM

Anjuran : Pusat Asasi, UiTM Kampus Dengkil

Pada jam 10.00 pagi tanggal 29 September 2020 telah berlangsung Program Temu Mesra MITASA dan seramai 49 orang ahli dari UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil. Program ini diadakan secara bersemuka dan maya (hybrid). Prof. Dr. Saifollah Abdullah selaku Pengarah Pusat Asasi UiTM telah sudi hadir untuk merasmikan program tersebut. Puan Atifah Othman, pensyarah dari Fakulti Undang-undang Pusat Asasi UiTM merupakan penyelaras MITASA bagi Kampus Dengkil. Program ini bermatlamat untuk merapatkan silaturahim serta mempertingkatkan kerjasama di antara pihak EXCO MITASA dan ahli-ahlinya di Pusat Asasi UiTM. Program yang berlangsung secara hybrid itu telah berjaya mengupas pelbagai isu berkaitan dengan kebijakan dan kerjaya kakitangan akademik khususnya. Diharap program sebegini akan dapat diadakan lagi dari semasa ke semasa untuk membantu kelancaran perjalanan institusi agar UiTM dapat terus maju ke hadapan dengan jayanya.



# MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK (UJIAN PERTENGAHAN SEMESTER)

Tarikh : 30 Oktober 2020


Lokasi : Pusat Asasi UiTM (Atas talian)

Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Akademik

Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA) anjuran Bahagian Hal Ehwal Akademik Pusat Asasi telah diadakan buat julung kali secara dalam talian pada 30 Oktober 2020 bagi meraikan seramai 419 orang pelajar yang cemerlang dan berada di dalam Top 10% ranking bagi Ujian Pertengahan Semester Sesi Julai - November 2020.

Majlis ini secara tidak langsung dapat memberi semangat dan motivasi kepada para pelajar dalam meneruskan kecemerlangan akademik selain menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar lain. Selain penyampaian sijil secara dalam talian melalui imbasan Kod QR, turut dipertontonkan video penerima Anugerah Pelajar Terbaik bagi setiap program.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah dan turut dihadiri oleh ahli Pengurusan Pusat Asasi, Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Koordinator Kursus. Semua warga Pusat Asasi UiTM dan ibu bapa juga turut dijemput hadir ke majlis ini sekaligus menyaksikan sebanyak 3800 jumlah tontonan video MAKA yang dipaparkan secara langsung di Facebook Pusat Asasi UiTM.



# SIRI WEBINAR CFS-STELLAR

Science, Technology, Education, Engineering, Economics, Entrepreneurship, Law, Language, Arts & Religion

Tarikh : 1 - 22 Disember 2020

Lokasi : Pusat Asasi UiTM (Atas talian)

Anjuran : Pusat Asasi, UiTM Kampus Dengkil

Buat pertama kalinya, Pusat Asasi UiTM telah menganjurkan siri webinar CFS-STELLAR (Science, Technology, Education, Engineering, Economics, Entrepreneurship, Law, Language, Arts & Religion). Sebanyak 6 siri webinar telah diadakan bermula pada 1 sehingga 22 Disember 2020. Siri yang menggunakan platform webex ini telah melibatkan 12 orang pensyarah dari Pusat Asasi UiTM yang berkongsi topik-topik menarik daripada pelbagai bidang.

Walaupun siri webinar baru pertama kali diadakan, pihak pengurusan berharap siri webinar ini dapat dijadikan medium untuk para pensyarah berkongsi pendapat dan pengalaman berkenaan topik-topik daripada bidang masing-masing.



Pusat  
Asasi

## CFS-STELLAR RESEARCH WEBINAR SERIES

Science, Technology, Education, Engineering, Economics, Entrepreneurship, Law, Language, Arts & Religion

### SERIES 1

1 DECEMBER 2020  
10.00AM - 12.00 PM

Synthesis and Characterisation of Rare Earth Metal Complexes  
Dr. Nurul Filzah Ghazali

Studies of LiMn<sub>1.9</sub>TiO<sub>1.04</sub> Doped with TiN in Cathode materials for Lithium-Ion Batteries  
Ms. Aida Fazliza Ahmad Fadzil

### SERIES 4

15 DECEMBER 2020  
10.00AM - 12.00 PM

Teaching Foundation Biology using MOOC BIO091  
Ms. Nur Syakireen Ishak

Learning Foundation Biology using MOOC BIO091  
Ms. Norlizayati Ramly

### SERIES 2

3 DECEMBER 2020  
10.00AM - 12.00 PM

The Underachievement of Boys in Education and What Can We Do About It  
Assoc. Prof. Hajah Norshiha Saidin

The Relationship Between Language Dominance, Language Proficiency and Working Memory Capacity with COgnitive Control Capacity  
Ms. Bazrina Ramly

### SERIES 5

17 DECEMBER 2020  
10.00AM - 12.00 PM

Virtual Islamic Tourism via 3D Walkthrough: An Exploration to the Cultural Heritage in Promoting Malaysia  
Dr. Ismassabah Ismail

Mudahnya Menulis Artikel  
YM Dr. Tengku Maaidah Tengku A. Razak

### SERIES 3

8 DECEMBER 2020  
10.00AM - 12.00 PM

Stability Analysis of Numerical Solutions for Unsteady Flows in Nanofluid  
Dr. Nur Syazana Rosly

Stand Structure of *Shorea Roxb.* ex Gaertn. f. and Spatial Distribution of *Shorea acuminata* Miq. in Rehabilitated Area of Kenaboi Forest Reserve  
Ms. Fatma Nadiah Abdul Hamid

### SERIES 6

22 DECEMBER 2020  
10.00AM - 12.00 PM

CORONONAMICS: Malaysia's Perspective  
Dr. Marziah Mokhtar

Revisiting E-Commerce Online Platform in Malaysia: A Case Study of Atomy.com.my  
Dr. Farrah Abdullah



EDISI

20  
20

# PERANGI WABAK PANDEMIK COVID-19

Seperti diketahui umum bahawa dunia kini sedang menerima ancaman virus pandemik Covid-19. Pada 18 Mac 2020 kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Segala urusan di peringkat universiti perlu dihentikan termasuk sesi pengkuliahan dan penganjuran aktiviti pelajar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan tersebut.

Hal ini menyebabkan pelbagai pihak melahirkan rasa kebimbangan terhadap keselamatan dan kesihatan pelajar yang masih berada di dalam kampus pada waktu itu. Namun begitu, pihak pengurusan Pusat Asasi UiTM telah mengambil inisiatif awal dalam menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar khususnya dengan menyediakan kemudahan makan dan minum percuma serta kemudahan di dalam kampus kekal beroperasi.

Langkah awal pencegahan dengan menyediakan informasi pencegahan dan bahayanya pandemik ini, menyebabkan kampus Pusat Asasi UiTM bebas daripada ancaman wabak tersebut. Pusat Asasi UiTM juga berasa bersyukur kerana telah menerima pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan daripada agensi kerajaan, syarikat swasta serta ibu bapa yang berbesar hati menghulurkan bantuan kepada pelajar yang terkandas di dalam kampus.

Pihak Pusat Asasi UiTM juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi atas kebenaran dan bantuan yang diberikan kepada pihak universiti untuk menghantar pulang pelajar ke kediaman masing-masing. Proses penghantaran pelajar ini turut mendapat kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pejabat Kesihatan Daerah Sepang.



# PERANGI WABAK PANDEMIK COVID-19

**Pusat Asasi**

**SENTIASA MEMAKAI PELITUP MUKA**

**KERAP MENCUCI TANGAN**

**ELAKKAN BERSALAMAN BERSENTUHAN**

**PENJARAKKAN SOSIAL 1 METER**

**UiTM di hatiku**

**ELAKKAN 3C**

(CROWDED) Elakkan berada ditempat sesak dan ramai orang

(CONFINE) Elakkan berada diruang yang sempit dan tertutup

(CLOSE) Elakkan berkomunikasi jarak yang dekat

**UiTM di hatiku #kitajagakita**

**AMALKAN 3W**

(WASH) Selalu mencuci tangan menggunakan sabun

(WEAR) Sentiasa memakai penutup muka dan hidung

(WARN) Sentiasa berwaspada dan mengikuti S.O.P

**UiTM di hatiku #kitajagakita**

**UiTM di hatiku**

**KEPADAH SELURUH WARGA UITM**

**AMALKAN 3W ELAKKAN 3C**

**(WASH)** Selalu mencuci tangan menggunakan sabun

**(WEAR)** Sentiasa memakai penutup muka dan hidung

**(WARN)** Sentiasa berwaspada dan mengikuti S.O.P

**(CROWD)** Elakkan berada ditempat sesak dan ramai orang

**(CONFINE)** Elakkan berada diruang yang sempit dan tertutup

**(CLOSE)** Elakkan berkomunikasi jarak yang dekat

### Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah Pengarah Pusat Asasi UiTM

Pandemik COVID-19 merupakan satu ancaman baharu kepada ketamadunan manusia sejagat. Ia mula dikesan pada akhir tahun 2019 di Wuhan China. Ia merupakan wabak serangan ke atas sistem pernafasan dan tergolong dalam keuarga Severe Acute Respiratory syndrome Coronavirus (SARS-CoV) dan Middle East Respiratory syndrome coronavirus (MERS-CoV) yang telah wujud sebelum ini, namun pandemik COVID-19 ini lebih mudah merebak. Menurut laporan Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO), setakat 7 Disember 2020 ia telah menjangkiti kira-kira 66.24 juta orang dengan jumlah kematian melebihi 1.529 juta orang dan melibatkan 220 buah negara.

Konsep Nanoteknologi telah diperkenalkan oleh Profesor Richard Feynman pada tahun 1959. Pelbagai takrifan nanoteknologi telah digunakan namun secara amnya boleh ditakrifkan sebagai kajian asas dan aplikasi pada skala manometer (10-9 meter). Ia merupakan kajian dan aplikasi pelbagai bidang meliputi sains asas sehinggalah kepada pelbagai aplikasi dalam kejuruteraan, perubatan, komputer dan telekomunikasi dan lain-lain.


Nanoteknologi berpotensi menawarkan beberapa alternatif bagi menangani pandemik COVID-19 dalam aplikasi seperti penggunaan nanobahan dalam cecair nyahkuman, diagnosis dan rawatan. Ia sangat bermanfaat bagi sistem pencegahan seperti pelitup muka, peralatan perlindungan peribadi dan permukaan antivirus. Berdasarkan skala fungsi saiz nanoteknologi pada skala yang lebih kurang sama dengan saiz virus COVID-19 disekitar 65–125 nm, sistem diagnostik dan nanopengangkut yang sangat berkesan, cepat dan tepat.

Pemakaian pelitup separuh muka merupakan satu langkah bagi pencegahan penularan yang perlu diamalkan. Pelitup muka berdasarkan nanoteknologi diperbuat menggunakan nanofiber sebagai lapisan penapis, ia memberikan pengaliran udara lebih baik dan meningkatkan kecekapan penapisan disamping kalis air. Berdasarkan nanoteknologi juga ia berupaya menghasilkan pelitup muka nanoselulus terbiodegradasi dari sisa bahan pertanian. Pelitup muka bersalut nanozarrah perak dan titania dioksida merupakan inovasi yang paling ditunggu-tunggu kerana ia berkeupayaan memerangkap dan seterusnya membunuh sebarang virus yang melekat pada pelitup muka. Peralatan perlindungan peribadi daripada nanobahan pula lebih ringan, tahan calar dibahagian muka serta dapat mengawal suhu untuk menambah keselesaan. Pada masa hadapan ia akan juga dilengkapi dengan sistem nano-penderia serta sistem telekomunikasi.

Penularan COVID-19 juga disebabkan oleh sentuhan permukaan seperti butang lif, selusur tangga dan tombol pintu. Nano-salutan kupram keatas permukaan akan mengelakkan jangkitan disebabkan kupram merupakan salah satu logam anti-virus atau pembunuh virus. Selain dari kupram, perak dan titania dioksida dalam bentuk nano-salutan juga akan memberi kesan yang sangat baik. Pada masa hadapan penggunaan nanobot akan menjadi satu alternatif bagi mengesan dan seterusnya memusnahkan virus. Nanozarrah logam seperti emas akan diintegrasikan kedalam nanobot. Virus akan dikesan dan sertamerta akan dibinasakan melalui radiasi yang terhasil dari fenomena plasmonik disebabkan dari getaran tinggi nanozarrah logam. Ia juga diharapkan dapat digunakan dalam membinasakan virus COVID-19.

